



KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 16/12/2019 | MUKA SURAT | : | 35 |
| JABATAN | : | JPS / BANJIR | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |

Waspada banjir gelombang kedua di Kelantan

PASIR PUTEH – Penduduk di kawasan pesisiran pantai di Kelantan dinasihatkan supaya menjauhi aktiviti laut sepanjang musim monsun yang sedang berlaku ketika ini.

Pengarah Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kapten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, langkah itu bagi mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan.

“Penduduk di pesisir pantai perlu sentiasa waspada dan peka dengan arahan keselamatan yang dikeluarkan pihak berkuasa,” katanya.

Menurutnya, sekiranya bendera merah dinaikkan penduduk diingatkan supaya

menjauhi semua aktiviti di kawasan laut.

Katanya, APMM Kelantan sentiasa bersedia dari segi aset dan keanggotaan bagi menghadapi sebarang kejadian kecemasan di laut.

“Sekiranya angin kencang dan ombak mengancam keselamatan penduduk pesisir pantai mereka perlulah segera berpindah,” katanya.

Muhd Nur Syam Asmawie berkata, bermula November sehingga semalam, APMM Kelantan tidak menerima



MUHD NUR SYAM ASMAWIE

sebarang laporan atau aduan bagi kes orang lemas, orang jatuh laut, bot rosak dan bot karam bagi perairan negeri Kelantan.

Katanya, ia menunjukkan bahawa kesedaran komuniti maritim berada pada tahap

baik kerana meningkatkan kewaspadaan apabila melaksanakan aktiviti di laut dan pinggir pantai.

Menurutnya, orang ramai boleh menghubungi APMM di talian 09-778 0070 atau 999 untuk kes kecemasan.